

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kes baharu kekal melebihi 5,000

4 lagi kematian dicatatkan kelmarin

Oleh Irwan Shafrihan
ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kes baharu jangkitan COVID-19 di negara ini kekal dalam lingkungan 5,000 kes, dengan 5,047 kes direkodkan setakat kelmarin.

Angka itu rekod kedua tertinggi sejak April lalu. Sehari sebelumnya, jumlah kes jangkitan harian mencecah 5,230 kes.

Jangkitan itu membabitkan 5,044 kes penularan

tempatan dan tiga import.

Berdasarkan data di laman sesawang COVID-NOW, Selangor kekal menjadi negeri dengan jangkitan tertinggi, iaitu sebanyak 1,925 kes, diikuti Kuala Lumpur (1,365), Perak (309), Negeri Sembilan (276), Sabah (274) dan Pulau Pinang (265).

35,848 kematian

Ini diikuti Melaka (128), Putrajaya (116), Kedah (113), Sarawak (74), Johor (73), Pahang (56), Kelantan (37), Terengganu (22), Perlis (9) dan Labuan (lapan).

Selain itu, empat kematian akibat COVID-19 direkodkan kelmarin, menjadikan jumlah kumulatif jangkitan COVID-19 meningkat kepada 4,619,045

kes dan 35,848 kematian.

Sehingga kelmarin, 1,273 kes aktif COVID-19 dilaporkan, termasuk 60 pesakit yang ditempatkan di unit rawatan rapi (ICU), dengan 34 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada jumlah kes aktif berkenaan, 96.3 peratus atau 40,923 pesakit menjalani kuarantin di rumah, 39 kes atau 0.1 peratus dirawat di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19, sementara 1,459 orang atau 3.4 peratus menerima rawatan di hospital.

Seramai 3,770 pesakit dilaporkan sudah sembuh. Tiada kluster baharu direkod kelmarin, menjadikan keseluruhannya kekal 7,026 kluster, dengan 12 daripadanya masih aktif.



Dr Noor Azmi (tengah) melawat pameran selepas merasmikan Sambutan Hari Malaria Peringkat Kebangsaan di Ipoh, semalam. (Foto Bakjis Jazimah Zahadi/BH)

7 korban demam malaria

Ipoh: Sebanyak tujuh kematian akibat jangkitan malaria direkodkan dalam negara dalam tempoh awal tahun hingga 9 Julai lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata enam kematian berkenaan membabitkan malaria zoonotik, manakala satu kes malaria manusia.

"Kematian yang dilaporkan membabitkan dua kes masing-masing dari Terengganu dan Sabah serta satu kes masing-masing Batu Pahat, Johor, Kano, Sarawak dan Raub, Pahang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Sam-

butan Hari Malaria Peringkat Kebangsaan di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri, Mohd Akmal Kamarudin dan Timbalan Pengarah Kesihatan Perak, Dr Ummy Kalthom Shamsudin.

Dr Noor Azmi berkata, bagaimanapun kes ketika ini masih berada dalam keadaan terkawal.

"Orang ramai tidak perlu bimbang kerana keadaan masih terkawal, tetapi tidak juga boleh leka kerana kita mahu memberi kesedaran malaria masih

wujud di negara kita dan kebanyakannya adalah daripada zoonotik," katanya.

Beliau berkata, 1,311 kes malaria zoonotik dan 136 kes malaria manusia direkodkan bermula awal tahun sehingga 9 Julai lalu.

"Sabah catat kes tertinggi dengan 782 malaria zoonotik dan empat malaria manusia dilaporkan setakat ini," katanya.

Dr Noor Azmi berkata, syarikat berkaitan perusahaan perladangan diminta melakukan saringan kesihatan secara berkala terhadap pekerja, termasuk pekerja asing supaya tidak dijangkiti.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA



KES penyakit berjangkit seperti demam, batuk dan selesema menunjukkan peningkatan berikutan pelbagai sektor dibuka selepas negara mula memasuki fasa peralihan ke endemik. – GAMBAR HIASAN

Kes demam, selesema meningkat lepas PKP

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Peningkatan kes demam, batuk dan selesema sejak kebelakangan ini disebabkan kebanyakan aktiviti termasuk pekerjaan dan persekolahan telah kembali beroperasi sepenuhnya.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr. Koh Kar Chai berkata, kes meningkat berbanding pada masa puncak pandemik kerana kebanyakan orang ramai berada di rumah dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika itu.

“Ini menyebabkan tahap imuniti kepada penyakit berjangkit menjadi rendah. Sekarang ramai

orang telah mula bekerja dan bersekolah, jadi memang akan ada peningkatan kes-kes penyakit berjangkit.

“Gejala-gejala tersebut (akibat demam, batuk dan selesema) bukan lebih teruk, tetapi lebih banyak dari segi nombor (jumlah) jangkitan,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau berkata, MMA bagaimanapun sedang membuat kajian untuk memastikan jenis ubat-ubatan yang mungkin diperlukan oleh klinik-klinik swasta pada masa ini berikutan peningkatan kes demam, batuk dan selesema.

Menurut beliau, pelepasan stok penimbal ubat-ubatan se-

perti yang diumumkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) adalah sebagai langkah jangka masa pendek.

Justeru, beliau menasihati orang ramai hanya membeli ubat-ubatan untuk demam, batuk dan selesema mengikut keperluan dan tidak membeli terlalu banyak untuk dijadikan simpanan.

“Kebanyakan ubat-ubatan yang terlibat adalah ubat untuk mengurangkan simptom. Jika ingin memperolehi ubat-ubatan tersebut, belilah apa yang diperlukan sahaja.

“Tidak payah beli banyak untuk simpanan. Kalau demam kuat, jangan lupa minum banyak air dan mandi jika perlu,” katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

7 kematian, 1,447 kes malaria tahun ini

IPOH – Sebanyak tujuh kes kematian akibat malaria dilaporkan Kementerian Kesihatan (KKM) berlaku di negara ini bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, daripada jumlah tersebut enam merupakan kematian melibatkan jangkitan malaria zoonotik, manakala satu kes melibatkan jangkitan manusia yang berlaku di luar negara dan dibawa masuk ke Malaysia.

Menurut Dr. Noor Azmi, meskipun terdapat kematian melibatkan pesakit malaria di negara ini keadaan masih terkawal dan orang ramai diminta agar tidak bimbang ekoran KKM sentiasa berusaha mengawal penyakit tersebut.

“Sehingga minggu epidemik (ME) ke-27 hanya tujuh kematian dilaporkan di mana satu di Johor, Pahang dan Sarawak, manakala masing-masing dua kes di Terengganu dan Sabah.

“Orang ramai tidak perlu bimbang, namun pada masa

sama kita tidak boleh leka. Kita (KKM) sentiasa memberikan kesedaran kepada rakyat bahawa malaria masih wujud dan kebanyakannya adalah kumpulan zoonotik di mana perumahannya adalah haiwan iaitu monyet dan kera,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas hadir merasmikan Sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Kebangsaan 2022 di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru, di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sebanyak 1,447 kes malaria dilaporkan kepada KKM bagi tempoh sama iaitu 2 Januari sehingga 9 Julai tahun ini di mana 1,311 kes merupakan malaria zoonotik dan 136 kes pula malaria melibatkan jangkitan manusia melibatkan kes import dan introduce.

Katanya, Sabah merupakan negeri tertinggi mencatatkan kes malaria sebanyak 786 kes di mana 782 daripadanya merupakan kes malaria zoonotik dan diikuti Sarawak sebanyak 390 kes dan Kelantan 72 kes yang dilaporkan.



DR. NOOR AZMI (dua dari kanan) melawat pameran malaria selepas merasmikan Sambutan Hari Malaria Peringkat Kebangsaan di Ipoh semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur: Sebanyak 5,047 kes positif Covid-19 dicatatkan di seluruh negara, kelmarin.

Data yang dikongsi Covidnow menunjukkan sebanyak 5,044 kes adalah penularan tempatan manakala tiga lagi adalah kes import.

5,047 kes positif Covid-19 seluruh negara

Kes baharu itu menjadikan sejumlah 4,619,045 kes direkod di Malaysia sejak pandemik melanda manakala Selangor menyumbang kes baharu tertinggi de-

ngan 1,925 diikuti Kuala Lumpur (1,365) dan Perak (306).

Sebanyak empat kematian direkodkan kelmarin termasuk satu kes kema-

tian di luar fasiliti kesihatan (BID) menjadikan angka korban akibat Covid-19 di Malaysia sebanyak 35,848 kes.

Sehingga kini, terdapat

42,481 kes aktif yang mana 40,923 kes sedang menjalani kuarantin wajib di rumah manakala 1,459 kes menerima rawatan di hospital serta 34 kes di unit

rawatan rapi dan memerlukan alat bantuan pernafasan.

Terdapat 39 pesakit lagi dirawat di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

Selain itu, sebanyak 3,770 kes pulih daripada Covid-19 yang direkodkan kelmarin.

Rekod 7 kematian akibat malaria

Ipoh: Sebanyak tujuh kematian akibat jangkitan Malaria direkodkan dalam tempoh Januari hingga 9 Julai lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, enam kematian membabitkan malaria zoonotik manakala satu kes malaria manusia.

"Kematian dilaporkan membabitkan dua kes masing-masing dari Terengganu dan Sabah; satu kes masing-masing di Batu Pahat, Johor; Kanowit, Sarawak dan Raub, Pahang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas hadir merasmikan program Sambutan Hari Malaria Peringkat Kebangsaan di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia, Datuk Harjeet Singh; Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan

1,311
Kes malaria zoonotik dan 136 kes malaria manusia direkodkan sejak awal tahun sehingga 9 Julai lalu

Teknologi Hijau negeri, Mohd Akmal Kamarudin dan Timbalan Pengarah Kesihatan Perak, Dr Ummi Kalthom Shamsudin.

Bagaimanapun, Dr Noor Azmi berkata, kes berkenaan kini masih berada dalam keadaan terkawal.

"Namun, kita tidak boleh leka kerana kita mahu memberikan kesedaran malaria masih wujud di negara kita dan kebanyakannya daripada zoonotik," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 1,311 kes malaria zoonotik dan 136 kes malaria manusia direkodkan sejak awal tahun sehingga 9 Julai lalu.

Peratusan rendah saringan kesihatan

Kuala Lumpur: Tempoh dua tahun mengharungi pandemik Covid-19 antara faktor yang mempengaruhi peratusan rendah rakyat Malaysia tidak menjalani saringan kesihatan.

Pakar Kesihatan Awam, Dr Hanafiah Bashirun berkata, ketika keadaan masih lagi pandemik, kebanyakan fasiliti kesihatan lebih menumpukan kepada memeringi pandemik termasuk menjadi pusat pemberian vaksin (PPV), pusat kuarantin dan rawatan awal gejala jangkitan Covid-19 berbanding pelaksanaan sebagai saringan kesihatan awam.

Beliau berpandangan pada masa pandemik bukannya rakyat tidak mahu pergi melakukan saringan kesihatan tetapi banyak halangan termasuk sekatan pergerakan seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Kebanyakan fasiliti ke-

sihatan tak menjalankan fungsi sebagai tempat saringan kesihatan. Pada masa pandemik, orang pun takut nak keluar disebabkan kawalan pergerakan selain risau jangkitan Covid-19.

"Saya berpandangan, tidak banyak maklumat mengenai pusat kesihatan yang membuat saringan kesihatan. Yang awam tahu, fungsi klinik kesihatan atau hospital kerajaan untuk merawat pesakit.

"Kita jarang dengar *health screening* (saringan kesihatan). Jika nak laksanakan, dalam laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai contoh perlulah diuar-uarkan mengenai *health screening* dan di mana serta bila diadakan. Ini supaya kita tahu lokasi dan tarikh, selain sama ada terdapat keperluan mendapatkan janji temu sebelum pergi," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : DALAM NEGERI

Covid-19: Kes positif masih lebih 5,000 biarpun menurun

PUTRAJAYA: Malaysia merekodkan sedikit penurunan kes positif Covid-19 dengan mencatatkan sebanyak 5,047 kes berbanding kelmarin, 5,230 kes sekali gus mengatasi 3,770 kes sembuh.

Selangor kembali menjadi negeri tertinggi kes positif iaitu 1,925 kes diikuti Kuala Lumpur (1,365), Perak (306), Negeri Sembilan (276), Sabah (274), Pulau Pinang (265), Melaka (128), Putrajaya (116), Kedah (113), Sarawak (74), Johor (73), Pahang (56).

Ini diikuti Kelantan (37), Terengganu (22), Perlis (9) dan Labuan, lapan kes.

Pesakit Covid-19 yang dirawat di wad-wad hospital di seluruh negara meningkat kepada 627 orang berbanding kelmarin, 608 orang.

Kes yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) semalam merekodkan 60 kes berbanding jumlah semalam, 64 kes.

Bagaimanapun, jumlah pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan merekodkan 34 kes berbanding jumlah kelmarin, 44 kes.

Bagi kluster Covid-19 pula, tiada kluster baharu direkodkan sekali gus menjadikan sebanyak 12 kluster yang masih aktif dengan keseluruhan 7,026 kluster.

Dalam perkembangan melibatkan kematian, Malaysia mencatatkan empat kematian Covid-19 berbanding kelmarin, lapan kes sekali gus menjadikan jumlah terkini sebanyak 35,848 kes.

Satu kes kematian yang dibawa ke hospital (BID) dilaporkan dan menjadikan jumlah terkumpul sebanyak 7,602 kes.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS

KL, SELANGOR HIGHEST

Second day of more than 5,000 new Covid-19 cases

KUALA LUMPUR: Malaysia logged 5,047 Covid-19 cases on Saturday, the second day the number has crossed 5,000 since late April.

The total number of infections now stands at 4,619,045.

Friday saw the highest daily figure since April 24, at 5,230 cases.

Data from the Health Ministry's CovidNow and Github portals show that of the new cases, 5,044 were local transmissions and three were imported.

Selangor and Kuala Lumpur had the most infections, at 1,925 and 1,365 cases, respectively.

There were 306 new cases in Perak, 276 in Negri Sembilan, 274 in Sabah, 265 in Penang, 128 in Melaka, 116 in Putrajaya, 113 in Kedah, 74 in Sarawak, 73 in Johor, 56 in Pahang, 37 in Kelantan, 22 in Terengganu, nine in Perlis and eight in Labuan.

Four deaths were reported on Saturday, including one brought in-dead case.

The cumulative Covid-19 death toll now stands at 35,848.

A total of 3,770 recoveries were reported on Saturday and active cases stood at 42,481.

Of the active cases, 40,923 pa-

tients were in home quarantine, 1,459 were hospitalised, 34 were on ventilator support in intensive care units (ICU), 26 were in ICU but not intubated and 39 were in low-risk quarantine and treatment centres (PKRC).

Nationwide, 66.2 per cent of normal Covid-19 hospital beds, 60.9 per cent of ICU beds, 40.6 per cent of ventilators and 24.2 per cent of PKRC beds were used.

A total of 1,442,126 children aged 5 to 11 were fully vaccinated.

According to the CovidNow portal, 1,766,835 children had received at least one dose of vaccine.

A total of 2,892,068 adolescents aged 12 to 17 had received two doses and 2,971,629 had received at least one dose.

Up to Saturday, 16,117,170 adults had received one vaccine booster dose and 211,603 had received a second booster dose.

On Saturday, 18,695 vaccine doses were administered, involving 562 first doses, 9,147 second doses and 948 booster doses.

This brought the total number of vaccine doses administered under the Covid-19 National Immunisation Programme to 71,590,119.



A family exercising together in Taman Tasik Permaisuri, Kuala Lumpur, yesterday. PIC BY SAIFULLIZAN TAMADI

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Ministry calls for vigilance following malaria deaths

IPOH: There are seven deaths involving malaria infection detected from Jan 2 to July 9 this year, says the Health Ministry (MOH).

Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali said six of the cases were reported from zoonotic malaria infection (transmitted from animals), while one case involved local human malaria infection.

"For zoonotic malaria deaths, two cases were reported in Terengganu and Sabah, with one case in Sarawak and Pahang. One death involving human malaria occurred in Johor," he said after opening the national-level World Malaria Day 2022 event at the Sultan Azlan Shah Roundabout here yesterday.

Apart from that, he said a total of 1,447 cases of malaria were recorded in the same period, involving 1,311 cases of zoonotic malaria and 136 locally infected human malaria, Bernama reported.

"I was informed that the cases of infection are still under control, but we should be vigilant and need to ensure that preventive measures



Deadly bug: Dr Noor Azmi (second from left) looking at a model of an Anopheles mosquito after opening the event in Ipoh. — Bernama

are taken to reduce the rate of cases," he said.

In a related development, Dr Noor Azmi said that the ministry recommended that industry players in the plantation, mining and

construction sectors who use foreign workers always conduct health checks, including malaria screening, on these groups.

He added that this is because they are among those who are vulnera-

ble and at risk of contracting malaria, based on research and studies conducted by relevant parties.

"Foreign workers should undergo health checks, including malaria screening, according to the policy set by the government. Employers are also responsible for supplying medicated mosquito nets.

"Employees with malaria symptoms need to undergo an examination at a health clinic," he said.

He also hoped that all parties, including the community, would play their roles to ensure that all malaria infections could be fully controlled.

He also hoped that all parties, including the community, would play their respective roles to ensure that all types of malaria infections could be fully controlled.

Commenting on yesterday's programme, he said that it was held to raise awareness and to convey a message to the community that malaria is a public health problem that needs to be given serious attention.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Seven malaria-linked deaths detected

IPOH: The Health Ministry has confirmed that seven deaths involving malaria infection has been detected from Jan 2 to July 9.

Deputy Health Minister Danuk Dr Noor Azmi Ghazali said of the total number, six cases were reported from zoonotic malaria infection, while one case involved local human

malaria infection.

"For zoonotic malaria deaths, two cases were reported in Terengganu and Sabah, with one each in Sarawak and Pahang. One case of death involving local human malaria occurred in Johor," he said after officiating at the national level of the World Malaria Day 2022 at the Sultan

Azlan Shah Roundabout yesterday.

Noor Azmi said a total of 1,447 malaria cases were recorded during the same period, involving 1,311 cases of zoonotic malaria and 136 of locally infected human malaria.

"I was informed that the cases of infection are still under control, but we should be vigilant and need to

ensure that preventive measures are taken to reduce the rate of cases," he said.

In a related development, Noor Azmi urged industry players in the plantation, mining and construction sectors, who use foreign workers, to conduct health checks, including malaria screening, on these groups.

"Foreign workers should undergo health check-ups, including malaria screening, according to the policy set by the government. Employers are also responsible for supplying nets to protect them from mosquito bites. Employees with malaria symptoms need to seek treatment at a clinic."

- Bernama